



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### **KPWKM TERAP NILAI-NILAI ADVOKASI DAN PENJANAAN PENDAPATAN BAGI WANITA SARAWAK**

**Kuching, 22 Oktober** – YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini berkesempatan bertemu dan beramah mesra bersama ahli Skwad WAJA (Wanita Anti Jenayah) Negeri Sarawak yang terdiri daripada NGO, Ibu Tunggal, Wanita Srikandi, UNIMAS dan PAPISMA bersempena Semarak Skwad WAJA Sarawak yang diadakan di Hotel Pullman Kuching.

Semasa sesi ini, Datuk Seri Rina menegaskan peranan Skwad WAJA dalam komuniti terutamanya dalam tempoh pandemik sangat bermakna dan banyak membantu komuniti. Penubuhan Skwad WAJA akan menjadi tunjang kekuatan baharu KPWKM dalam menjayakan agenda pemerksaan Keluarga Malaysia seperti yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerusi Fokus Keenam Rancangan Malaysia Ke-12.

Sukarelawan Skwad WAJA di bawah seliaan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) ditubuhkan bertujuan untuk memperkasa komuniti melalui psikososial dan aktiviti bimbingan bagi meningkatkan kesedaran tentang isu-isu jenayah. KPWKM meletakkan sasaran seramai 100,000 sukarelawan menyertai Skwad WAJA pada penghujung tahun ini dalam usaha membendung isu keganasan terhadap wanita.

Hasil daripada pelaksanaan Skwad WAJA ini sehingga 21 Oktober 2021, sebanyak 826 kes telah berjaya dibimbing dan dibantu oleh ahli Skwad WAJA. Bagi program Skwad WAJA Turun Padang pula, sehingga 21 Oktober 2021, sebanyak 321 telah dilaksanakan melibatkan 4571 individu yang disantuni. Setiap ahli Skwad WAJA yang mendaftar akan diberikan panduan melalui Modul Skwad WAJA (Wanita Anti Jenayah) yang telah dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan Wanita dengan kerjasama Institut Sosial Malaysia (ISM) dalam memberikan bantuan dan bimbingan awal kepada mangsa.

Sehingga kini, **seramai 35,823 ahli (sehingga 21 Oktober 2021)** Skwad WAJA telah berjaya dilatih di seluruh Malaysia bermula dari Januari 2021. Bagi Negeri Sarawak sehingga 20 Oktober 2021 seramai 1,235 orang Skwad WAJA telah dilatih. Ahli Skwad WAJA bukan sahaja terdiri daripada wanita, malah kaum lelaki juga turut digalakkan penyertaannya. Daripada jumlah **35,823 ahli Skwad WAJA, seramai 34,961 adalah wanita dan 862 adalah lelaki**. Penglibatan golongan lelaki sebagai Skwad WAJA amatlah digalakkan kerana ia merupakan gambaran bahawa isu menangani keganasan terhadap wanita merupakan isu bersama. Keahlian terbuka kepada warga Malaysia berumur 18 tahun ke atas.

Pihak Kementerian menyeru agar lebih ramai mendaftar sebagai Sukarelawan Skwad WAJA, untuk maklumat lanjut mengenai Skwad WAJA, sila mendaftar di pautan <https://www.rebrand.ly/pendaftaranskuadwaja> atau <https://www.jpw.gov.my/>.

Lawatan kerja YB Datuk Seri Rina Mohd Harun hari ini ke Kuching telah dimulakan dengan kunjungan dan tinjauan ke Mini Spa Mamacare Kuching. Mamacare adalah inisiatif yang dibangunkan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) untuk membantu wanita dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah dan menjana pendapatan melalui perkhidmatan Mamacare. Selain itu, Mamacare juga turut menyediakan

perkhidmatan penjagaan selepas bersalin yang selamat melalui gabungan amalan tradisional dan praktis moden.

###

Disediakan oleh : **Unit Komunikasi Korporat**  
Jabatan Pembangunan Wanita  
No. 55, Persiaran Perdana  
Presint 4, PUTRAJAYA

No.Telefon : 03-8323 1884

Tarikh dikeluarkan : 22 Oktober 2021